

13/06/2003

Terowong cegah banjir dijangka siap awal 2006

Haswari Ali

KUALA LUMPUR: Projek pembinaan terowong banjir 'Pengurusan Larian Air Hujan dan Terowong Jalan' (Smart) dijangka siap lebih cepat, iaitu awal 2006, sebagai langkah mencegah banjir kilat di ibu kota.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah, berkata mengikut perancangan projek Smart ini dijangka siap pada 2007.

"Bagaimanapun, disebabkan keadaan banjir yang teruk melanda ibu negara Selasa lalu, projek ini perlu dipercepatkan," katanya yang dihubungi di sini semalam.

Kerja awal projek itu dimulakan 1 Jun lalu membabitkan kawasan laluan terowong, iaitu di Jalan Chan Sow Lin, Kampung Pandan dan Lebuhraya Utara

Selatan di Sungai Besi berhampiran Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi.

Beliau berkata, bermula tarikh itu lencongan di sepanjang lebuh raya berkenaan diwujudkan untuk tempoh 10 bulan bagi memudahkan kerja pembersihan jalan serta pemindahan pokok.

Smart adalah projek terowong bawah tanah sepanjang 9.7 kilometer dari Sungai Ampang/Sungai Klang melalui Kampung Pandan, Lebuhraya Utara Selatan

dekat Sungai Besi ke kolam tadahan di Desa Water Park, Taman Danau Desa dan disalurkan ke Sungai Kerayong.

Selain memudahkan saliran air hujan dari hulu Sungai Klang, terowong itu

juga mempunyai laluan untuk kenderaan awam dari Kampung Pandan ke Lebuhraya Utara Selatan di Sungai Besi, sekali gus mengurangkan kesesakan

lalu lintas.

Akhbar semalam melaporkan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan projek mencegah banjir di Kuala Lumpur bagi mengelak banjir kilat.

Perdana Menteri berkata, kerja membina terowong berhampiran Lapangan Terbang TUDM Sungai Besi sudah dimulakan dan rancangan jangka panjang diperlukan bagi menangani masalah itu.

Keizrul berkata, projek berkenaan yang termasuk dalam Rancangan Malaysia

Kelapan (RM-8) itu adalah sebahagian daripada peruntukan RM1.5 bilion yang diberikan kerajaan.

"Sungai Klang tidak mampu menampung air apabila hujan, malah kita juga tidak boleh melebarkan sungai ini kerana mempunyai pembangunan di sekelilingnya.

"Jadi tugas pertama yang perlu JPS lakukan ialah memastikan kawasan rizab yang menjadi laluan terowong itu dan proses pemindahan rumah setinggan yang ada di sepanjang tanah itu," katanya.

Timbalan Pengurus Besar Smart Project, Ahmad Razlan Amir Hamzah, berkata

walaupun air di Sungai Klang naik, namun laluan air di terowong berkenaan tidak mengganggu perjalanan kenderaan.

"Bagaimanapun, kami akan menyiapkan terlebih dulu terowong ini bagi tujuan laluan air sebelum pelaksanaan laluan kenderaan berkenaan," katanya.

Sementara itu, orang ramai menyambut baik kenyataan Perdana Menteri untuk menyegerakan pelaksanaan projek mencegah banjir kilat di ibu kota.

Seorang kakitangan awam, Dzulkifli Saini, 45, berkata keberkesanan projek itu tidak akan berjaya jika masyarakat masih membuang sampah di dalam sungai.

"Kerajaan sudah membelanjakan wang yang banyak dan menjalankan banyak usaha bagi mencegah banjir kilat, tapi jika sikap negatif ini tidak diubah, saya percaya projek yang memakan belanja besar seperti ini, pasti gagal," katanya.

Usahawan, Albert Loh, 42, berkata pada dasarnya projek pintar itu mampu mencegah banjir namun kolam tadahan di Desa Water Park pasti tercemar akibat sampah yang dibawa air sungai melalui terowong terbabit.

Beevi Fatimah Mohd, 24, pula berkata, langkah kerajaan itu melegakan warga kota serta mengurangkan kerugian peniaga apabila banjir melanda.